

**TRANSFORMASI PTV:KESEDIAAN GURU-GURU VOKASIONAL TERHADAP
PELAKSANAAN KOLEJ VOKASIONAL KPM DARI ASPEK TAHAP KEMAHIRAN****SITI SYAHIRAH BTE ABDULLAH ZAWAWI**

*Faculty Of Technical And Vocational Education
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
missya724@gmail.com*

Penyelia: En Ramlan bin Zainal Abidin

Abstrak

Seiring dengan ledakan arus pemodenan teknologi pada masa kini, kemahiran pengetahuan dan juga kemahiran teknikal amat penting untuk kecemerlangan diri seseorang dalam menentukan kerjaya yang bakal diceburi. Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji bertajuk Transformasi PTV: Kesiediaan Guru-Guru Vokasional Terhadap Pelaksanaan Kolej Vokasional KPM Dari Aspek Tahap Kemahiran. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kemahiran yang ada pada setiap guru vokasional dalam menghadapi transformasi pendidikan teknik dan vokasional nanti. Kajian ini tertumpu kepada tiga objektif utama iaitu untuk mengenalpasti latar belakang pendidikan guru-guru matapelajaran vokasional di sekolah vokasional, mengenalpasti kemahiran-kemahiran teknikal (*hands on skill*) yang perlu ada dalam kalangan guru-guru vokasional yang telah bersedia terhadap pelaksanaan Kolej Vokasional serta mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh guru-guru vokasional terhadap pelaksanaan program Kolej Vokasional. Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar matapelajaran aliran vokasional iaitu pendawaian domestik, kawalan motor elektrik dan juga elektronik. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang guru dipilih di 4 buah SMV di negeri Kelantan, Pulau Pinang, Melaka dan Johor yang bakal dinaiktaraf menjadi Kolej Vokasional yang akan menjawab soal selidik. Sampel kajian ini akan mewakili semua guru yang berada Malaysia. Dapatan kajian *primer* (utama) iaitu soal selidik akan dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science(Spss Version 16.0 For Windows)*. Manakala triangulasi dapatan kajian *sekunder* (sokongan) seperti temubual, pemerhatian dan dokumen pembuktian akan dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan perisian ANOVA8 (*Analysis of Variance 8*). Kajian ini diharapkan dapat membantu memberi pendedahan kepada guru-guru vokasional mengenai kepentingan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan kursus di KV. Semoga hasil daripada kajian ini akan dapat membantu pihak tertentu terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia dalam penyelesaian masalah pelaksanaan KV.

1.0 Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia terbahagi kepada berberapa jenis iaitu pendidikan teknik dan vokasional, pendidikan umum/akademik serta pendidikan agama. (Rashid, 2006). Bidang teknik dan vokasional mementingkan pengetahuan dan kemahiran serta menyediakan peluang pekerjaan yang baik kepada golongan muda. Manakala pendidikan umum pula memberi penekanan kepada pengetahuan akademik. Kemahiran khusus tidak diperlukan dalam pekerjaan bagi pendidikan bercorak akademik ini. Pendidikan agama pula bertujuan memberi pengetahuan dan melatih belia-belia dalam bidang keagamaan. Namun, aliran ini kurang mendapat peluang pekerjaan dan tidak diminati oleh majikan, khususnya dalam sektor swasta.

Sekolah, maktab dan universiti memainkan peranan penting dari segi menyediakan sumber tenaga manusia yang berpendidikan dan berbakat. Penambahan jumlah institusi pendidikan teknik dan vokasional adalah perlu bagi memenuhi

keperluan tenaga kerja tempatan. Peratusan pelajar yang berpeluang melanjutkan pengajian di bidang ini masih terlalu kurang berbanding jumlah peluang yang sepatutnya dibuka. Menurut Marzuki (1993), hanya sebanyak 7% pelajar-pelajar dapat memasuki sekolah vokasional dan teknik berbanding dengan di negara perindustrian lain, di mana lebih 40% pelajar di sekolah vokasional atau teknologi, misalnya di Jerman. Jumlah kemasukan yang kecil adalah berpunca daripada kuantiti institusi teknik dan vokasional yang masih tidak mencukupi berbanding dengan permohonan kemasukan.

Proses penstrukturan semula sistem pendidikan memperlihatkan pelbagai perubahan dan paradigma baru telah dilaksanakan terutamanya dalam sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di negara ini (Othman et al, 2011). Menurut Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, kerajaan akan melakukan sedikit pindaan kepada Akta Pendidikan negara. Ini bukan sahaja akan menghapuskan persepsi bahawa PTV sebagai bidang kedua selepas bidang akademik lain, malah memberi satu laluan kerjaya yang lebih jelas. Pendekatan sebelum ini adalah tidak tepat kerana di negara maju aspek teknikal dan vokasional di letakkan sebagai pilihan yang sama dengan akademik. Contohnya di Perancis, kursus yang ditawarkan jauh lebih canggih dan mereka meletakkan sasaran 60% pelajar aliran vokasional berbanding Malaysia yang masih jauh terkebelakang iaitu 10% dan akan dipertingkatkan kepada 20% dalam tempoh lima tahun ini. Oleh yang demikian, program Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) yang bertujuan memantapkan lagi sistem pendidikan vokasional negara akan dimulakan pada 2013. Langkah ini di ambil bagi menyokong agenda transformasi ekonomi negara dalam menghasilkan tenaga mahir dan terlatih. Komposisi akademik akan dikurangkan dan penambahan amalan industri atau amali teknikal kepada pelajar akan dilakukan. (Ismail, 2011)

Guru adalah tunjang kepada sistem pendidikan. Mereka merupakan golongan pelaksana segala dasar dan matlamat yang telah di tetapkan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia. Sehubungan dengan itu, program pendidikan guru adalah penting bagi membekalkan guru-guru dengan kemahiran profesional bagi membolehkan mereka mengajar dengan lebih berkesan. Guru-guru serta tenaga pengajar yang sedia ada sekarang sering di dedahkan dengan program latihan sangkutan industri di mana ianya penting dalam usaha memastikan tenaga pengajar bidang teknik dan vokasional ini mengetahui keperluan dan kehendak industri semasa. Penempatan latihan sangkutan industri adalah perlu dilakukan kepada mereka bagi memberi pengalaman dan pengetahuan supaya dapat diadaptasikan dalam pengajaran di tempat latihan masing-masing. Dengan adanya latihan sebegini, tenaga pengajar yang terlibat akan dapat menggunakan pengalaman yang berharga tersebut di tempat kerja khususnya di sekolah vokasional dalam usaha meningkatkan kualiti tenaga mahir yang dikeluarkan. (Jabatan Pembangunan Kemahiran.)

2.0 Penyataan Masalah


Jerman adalah di antara negara maju yang mengiktiraf pendidikan vokasional setaraf dengan pendidikan akademik yang lain dengan 40% daripada pelajarnya mengikuti aliran vokasional (Ismail, 2011). Tidak kurang juga negara maju yang lain seperti Perancis yang mensasarkan 60% pelajar aliran vokasional dan kita, masih terkebelakang dengan sasaran 10%. Namun, jumlah ini adalah gabungan MPAV dan juga MPV di sekolah harian biasa. Jika MPV di mansuhkan di sekolah harian biasa, adakah masih relevan untuk mencapai peratusan yang telah ditetapkan oleh KPM? Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTek) sendiri menghadapi cabaran dalam mengatasi masalah guru yang berpengalaman dan berkemahiran untuk mengajar MPAV. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), UTHM khususnya telah melahirkan kumpulan tenaga pengajar berkemahiran khususnya di politeknik, kolej komuniti dan

sekolah menengah teknik dan vokasional. Namun, tidak semua guru-guru MPAV terutamanya di sekolah vokasional berpengalaman dalam bidang kemahiran. Guru-guru di sekolah vokasional mempunyai sejarah latar belakang akademik yang berbeza. Sesetengah daripada mereka datang daripada sekolah harian biasa dan ada juga yang sememangnya bermula dari sekolah vokasional. Jika mereka diserap ke dalam KV, akan menimbulkan banyak masalah. Antara aspek yang memperlihatkan kelemahan dalam pelaksanaan KV adalah dari segi penerimaan tenaga mahir dari industri. Mereka mempunyai kelebihan dari segi pengalaman dan juga kemahiran tetapi lemah dari aspek pengajaran dan juga penyampaian. Sebaliknya mereka yang berlatar belakangkan pendidikan terutamanya mereka yang bergelar graduan, terdedah dengan kaedah penyampaian yang berkesan. Namun begitu, pengalaman dan juga kemahiran mereka masih kurang. Berbalik kepada tenaga pengajar kolej vokasional, mestilah terdiri daripada mereka yang telah mempunyai pengtauliahkan kepakaran dalam bidang masing-masing seperti mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mahupun sijil-sijil lain yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Malaysia. Namun, timbul kekusaran dalam kalangan guru vokasional kerana mereka masih kurang jelas dengan pelaksanaan KV dan mereka sendiri tidak yakin dengan kemahiran yang sedia ada sedangkan kerajaan menaruh harapan tinggi terhadap lulusan KV. Timbul persoalan adakah sistem Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang sedang berjalan di sekolah vokasional menunjukkan kemahiran sebenar yang perlu ada pada seorang guru. Maka, daripada rentetan-rentetan masalah yang dinyatakan di atas, maka tercetusnya idea oleh pengkaji untuk menjalankan kajian terhadap kesediaan guru-guru vokasional terhadap pelaksanaan Kolej Vokasional KPM dari aspek kemahiran.

3.0 Persoalan Kajian

1. Apakah latar belakang pendidikan guru-guru matapelajaran vokasional di sekolah vokasional?
2. Apakah kemahiran-kemahiran teknikal (*hands on skill*) yang perlu ada dalam kalangan guru-guru vokasional yang telah bersedia dengan pelaksanaan kolej vokasional?
3. Apakah kekangan yang dihadapi oleh guru-guru vokasional terhadap pelaksanaan kolej vokasional?
4. Apakah keperluan guru-guru yang tidak bersedia dengan pelaksanaan Kolej Vokasional?

4.0 Kerangka Teori Kajian



Sumber : Kerangka Teori Kajian Mengikut Model Input Output Slavian (1994)


5.0 Kajian Literature

5.1 Transformasi PTV

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), transformasi bermaksud perubahan bentuk iaitu sifat, rupa dan keadaan. Sejalan dengan perkembangan baru yang dijangka bakal mengubah landskap pendidikan negara iaitu Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bakal mengarusperdanakan aliran kemahiran vokasional. TPV akan melibatkan dua aspek penting iaitu program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Kolej Vokasional (KV). Kolej Vokasional (KV) boleh menaik taraf kumpulan pelajar

sederhana yang selama ini peluang untuk mereka membuat pilihan menyambung pelajaran agak terhad. Namun, keadaan ini akan berubah dengan adanya kepelbagaian peringkat pengajian yang akan ditawarkan di kolej vokasional nanti. Pelajar juga dapat mengikuti bidang vokasional dan teknikal yang diminati sejak dari awal lagi. Secara tidak langsung, mereka dapat mengembangkan kemahiran yang mereka miliki sehingga ke peringkat diploma lanjutan (Ismail, 2011).

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Menteri Pelajaran ada menjelaskan serba sedikit mengenai struktur kolej vokasional. Menurutnya lagi, komposisi akademik kurikulum kolej vokasional akan dikurangkan dan akan menambahkan amalan industri atau amali teknikal kepada pelajar. Menurut beliau lagi, kurikulum KV mempunyai dua komponen utama iaitu 70 peratus kemahiran vokasional dan 30 peratus akademik bagi memenuhi falsafah pendidikan kebangsaan yang ingin melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. KV akan memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran insaniah dan kemahiran keusahawanan. Latihan industri akan diperkenalkan pada beberapa peringkat pengajian, iaitu asas pendidikan berasaskan pengeluaran selama sebulan, diikuti tambahan tiga hingga enam 6 bulan untuk praktikal di syarikat industri. Bagi memantapkan dan melestarikan penerimaan keseluruhan sistem dan kurikulum di bawah TPV itu, kementerian akan melaksanakan projek rintis PAV di 15 buah SMK dan KV di 15 buah SMV.



Rajah 1.0: Sumber: Konsep Kolej Vokasional, KPM

Berdasarkan rajah 1.0 di atas, menunjukkan peralihan sistem pendidikan teknik dan vokasional malaysia pada masa sekarang dan masa akan datang. Jika kita lihat sekarang, rata-rata pelajar lepasan PMR (Penilaian Rendah Malaysia) mempunyai pilihan sama ada untuk ke sekolah harian biasa yang

mempunyai MPV selama dua tahun ataupun mengikuti aliran teknik atau vokasional (*technic and vocational stream*) di sekolah menengah teknik dan sekolah vokasional yang menawarkan MPAV selama dua tahun. Lulusan SPM dari aliran akademik mahupun teknik dan vokasional akan melanjutkan pengajian ke matrikulasi, universiti, politeknik, institut-institut latihan seperti giat mara, institut latihan perindustrian serta institusi yang lain sebelum memasuki alam pekerjaan (Jab, 2011). Tetapi melalui transformasi PTV yang akan dilakukan oleh KPM sedikit masa lagi, sebahagian besar kurikulum PTV akan berubah. Sistem PAV (Pendidikan Asas Vokasional) akan diwujudkan di 15 buah sekolah harian akademik rintis dan akan ditawarkan kepada pelajar menengah rendah seawal tingkatan satu sehingga tingkatan tiga, iaitu lantikan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang cenderung kepada pendidikan bercorak amali. (Ismail, 2011). Manakala KV pula akan ditawarkan kepada pelajar lantikan PMR. Ini bermakna lantikan PMR tidak akan terhenti di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) jika mereka terkandas seperti sistem sekarang. (Sumber: Konsep Kolej Vokasional, KPM)

5.2 Kemahiran Teknikal (*Hands On Skill*) Di Kalangan Guru-Guru Vokasional

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), kemahiran bermaksud kecekapan, kepandaian dan terlatih untuk mengerjakan sesuatu. Kamus Kejuruteraan Edisi Ketiga (2000) pula mendefinisikan kemahiran teknikal sebagai, "*technical mechanical arts and applied science*" iaitu berkaitan dengan seni mekanikal dan juga sains gunaan. Jika kita lihat pada masa sekarang, terlalu banyak cabaran yang perlu di hadapi oleh individu terutamanya dalam persaingan merebut peluang pekerjaan. Kebanyakan majikan pada hari ini, lebih memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran seperti mengendalikan sesuatu mesin. Mereka cenderung memilih pekerja yang mempunyai kemahiran berbanding pekerja yang sekadar mempunyai kelulusan di atas sekeping kertas. Maka disini, jelas menunjukkan bahawa kemahiran itu sangat diperlukan untuk berjaya di tempat kerja. Menurut Neil (2002), bagi menyempurnakan tugas yang diamanahkan dengan sempurna, seseorang ahli profesional perlu mengikuti latihan tertentu untuk memperolehi kemahiran-kemahiran dalam sesuatu profesion.

Kemahiran teknikal adalah keupayaan menggunakan pengetahuan spesifik, prosedur dan teknik dalam sesuatu bidang seperti dalam bidang kejuruteraan. Selain pendidikan formal, kemahiran teknikal juga boleh diperolehi melalui pengalaman bekerja. Biasanya kemahiran teknikal yang didapati daripada pendidikan formal kemudiannya diperkembangkan melalui latihan yang sesuai dan pengalaman yang diperolehi daripada kerja yang dilakukan (Abdul Azizi, 2000). Kemahiran teknikal adalah satu proses membolehkan pelaksanaan sesuatu program atau perkara dapat dijalankan dengan baik, mempamerkan tingkah laku, simulasi, memainkan peranan dan membolehkan pengajaran dan pembelajaran secara teknikal (*hands on*). Kemahiran teknikal sentiasa penting, tetapi kemahiran lain yang membolehkan guru mengajar dengan lebih bijaksana juga penting. Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional (JPTek) sendiri menghadapi cabaran dalam mengatasi masalah guru yang berpengalaman dan berkemahiran untuk mengajar MPAV. Fakulti Pendidikan Teknikal (FPTek), UTHM khususnya telah melahirkan kumpulan tenaga pengajar berkemahiran khususnya di politeknik, kolej komuniti dan sekolah menengah teknik dan vokasional. Namun, tidak semua guru-guru MPAV terutamanya di sekolah vokasional berpengalaman dalam bidang kemahiran. Guru-guru di sekolah vokasional mempunyai sejarah latar belakang akademik yang berbeza. Sesetengah daripada mereka datang daripada sekolah harian biasa dan ada juga yang sememangnya bermula dari sekolah vokasional. Ini memberi kelebihan dari segi penguasaan kemahiran kepada guru-guru yang belajar di sekolah vokasional kerana mereka mendapat pendedahan pengetahuan

dan kemahiran lebih lama daripada guru-guru yang berlatar belakangkan akademik semata-mata

6.0 Metodologi

Pelbagai teknik boleh digunakan oleh penyelidik untuk memperolehi data. Teknik manakah yang sesuai adalah bergantung kepada tujuan, situasi dan kemahiran penyelidik. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah *mix-method* iaitu pengumpulan data secara kuantitatif dan juga kualitatif. Instrument utama yang akan digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik selaku instrument pengumpulan data primer dan disokong oleh pengumpulan data sekunder iaitu temubual dan juga pembuktian secara dokumentasi serta melalui pembacaan buku, jurnal, surat khabar dan sebagainya. Pengkaji memilih untuk menggunakan instrument soal selidik sebagai pengumpulan data primer disebabkan oleh soalan-soalan spesifik disusun secara sistematik mengikut suatu pengaliran pemikiran yang tertentu. Responden hanya perlu memberi jawapan yang ringkas ataupun memilih jawapan-jawapan yang telah disediakan. Ini akan memudahkan kedua-dua belah pihak iaitu pengkaji dan juga responden.

Dalam pengumpulan data primer selaku data utama dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan instrument soal-selidik. Data yang diperolehi daripada instrument ini akan dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS Version 16.0 For Windows)*. Instrument ini akan dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu:

1. Bahagian A : Pilihan Ya atau Tidak
2. Bahagian B : Skala Likert (3, 5, 7)
3. Bahagian C : Soalan Terbuka

Bagi menguatkan lagi kajian ini, penyelidik akan menggunakan triangulasi dapatan kajian *sekunder* (sokongan) seperti temubual, pemerhatian dan dokumen pembuktian yang akan dianalisis secara kualitatif menggunakan perisian ANOVA8 (*Analysis of Variance 8*). Terdapat dua kaedah temubual yang akan digunakan oleh pengkaji iaitu:

1. Temubual Tidak Berstruktur

Pengkaji menemubual responden dengan suatu ransangan umum, responden digalakkan memberi respons secara bebas, soalan-soalan lanjutan dirangka mengikut keperluan semasa temubual dijalankan.

2. Temubual Separa Berstruktur

Temubual jenis ini adalah gabungan antara temubual tidak berstruktur dan berstruktur. Soalan-soalan yang disediakan dan ditujukan kepada responden adalah terbit daripada temubual tidak berstruktur yang telah dijalankan sebelum ini. Pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang sesuatu perkara dengan berdasarkan soalan yang disediakan. Namun, masih lagi mengutarakan soalan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden.

Responden kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar matapelajaran aliran vokasional. Dalam kajian ini, pengkaji mensasarkan guru-guru yang mengajar matapelajaran elektrik dan elektronik iaitu pendawaian domestik, kawalan motor elektrik dan juga elektronik. Sampel kajian ini mensasarkan seramai 100 orang guru di sekolah yang telah dipilih. Kajian ini akan dijalankan di 4 buah sekolah menengah vokasional yang akan dinaiktaraf sebagai Kolej Vokasional Rintis iaitu:

1. Sekolah Menengah Vokasional Pengkalan Chepa, Kelantan.
2. Sekolah Menengah Vokasional Balik Pulau, Penang.
3. Sekolah Menengah Vokasional Dato Seri Mohd Zin, Melaka

4. Sekolah Menengah Vokasional Kluang, Johor

7.0 Jangkaan Dapatan

Melalui kajian ini, pengkaji menjangkakan agar dapat mengetahui tahap kesediaan guru-guru vokasional terhadap pelaksanaan kolej vokasional KPM dari aspek kemahiran. Kajian ini juga adalah untuk mengetahui latar belakang guru-guru sekolah Vokasional, memperolehi dan meneliti kemahiran-kemahiran teknikal (*hands on skill*) yang perlu ada dalam kalangan guru-guru vokasional yang telah bersedia terhadap pelaksanaan Kolej vokasional, mengenalpasti latar belakang pendidikan guru-guru matapelajaran vokasional di sekolah vokasional, mengenalpasti kekangan yang dihadapi oleh guru-guru vokasional terhadap pelaksanaan program Kolej Vokasional serta mengetahui aspek-aspek yang perlu ditambah kepada guru-guru yang tidak bersedia dengan pelaksanaan Kolej Vokasional tetapi berhasrat untuk meneruskan kerjaya di Kolej Vokasional. Kajian ini juga diharap dapat meneliti aspek-aspek yang perlu diberi penekanan kepada guru agar mereka tahu apakah sebenarnya yang diperlukan oleh industri. Pengkaji berharap agar melalui kajian ini, akan dapat mengenalpasti guru-guru yang mempunyai kemahiran tinggi dan menguasai kaedah penyampaian yang berkesan untuk mengeluarkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan. Semoga hasil daripada kajian ini akan dapat membantu pihak tertentu terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia dalam penyelesaian masalah pelaksanaan KV.

Rujukan

Ramly. I. (2003). Inilah Kurikulum Sekolah. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd

Warnoh Katiman, Norasmah Hj. Othman(2011). Jurnal Program Pendidikan Guru Teknik Dan Vokasional Yang Cemerlang. Dicapai pada Oktober 18, 2011 dari ms. 3 di <http://www.scribd.com/doc/9530899/Jurnal-Program-Pendidikan-Guru-Teknik-Dan-Vokasional-Yang-CemerlangWarnoh>

Panduan Program Latihan Sangkutan Industri Untuk Pengajar Vokasional (Gred J17 Hingga J48): Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (Ciast) Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia di capai pada oktober 3, 2011 dari http://www.ciastr.gov.my/webciastr/files/borang_online/panduanLSI/panduanlsi.pdf

Nik Azis Nik Pa, Noraini Idris (2008) Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia : pengalaman 50 tahun merdeka

Abdullah. S, Mohd A.(2005). Guru Sebagai Mentor. Siri Pembangunan Profesion Perguruan, Publication Information: Bentong : PTS Professional Publishing.

Emat. Y. (2005). Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020. Jurnal Pendidikan, Jilid 37 Keluaran 8 Jun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia. Dicapai pada September 25, 2011 dari <http://aeede.tripod.com/Vok.htm>

Rashid. (2006). "Persepsi Guru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Terhadap Pengajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Zon Skudai, Johor Darul Takzim. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.

Neil, J.S. (2002). "Exploring Research". Sixth Edition. New Jersey : Prentice Hall

Abdul Azizi(2000), "Pengurusan Dan Gelagat Organisasi Di Abad Ke 21". Prentice Hall

Azizi (2008). Menguasai penyelidikan dalam pendidikan. Selangor.PTS Professional Publishing Sdn.Bhd

Donal&L.K. (2002). " Learning and Teaching Research Based Methods". 3rd Edition. Boston, USA.

Siti Maspah Hassan; Nor Azizah Mohd.Salleh, (1995). Kertas Kerja Bertajuk: Pendidikan Vokasional- Formal Dan Non Formal Ke Arah Wawasan 2020. Dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad Ke 21 di UKM, Bangi pada 9 November 1995.

Marzuki. S. (1993). "Peranan Pendidikan Vokasional Dalam Pembangunan Sumber Manusia Bagi Mencapai Matlamat Wawasan 2020". Jurnal Pendidikan Jilid 37 Kementerian Pendidikan Malaysia keluaran 8 Jun 1993.

Wawasan dan agenda pendidikan di Malaysia / Abdul Rahim Abdul Rashid, Kuala Lumpur : Utusan, 2000

Yasin.K. (2010). Pembentukan Universiti Ke Arah Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Di capai pada Oktober 4, 2011 dari http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Wawancara_Sumbertenagamahir/Article

Teks Ucapan Yab Tan Sri Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri : Majlis Pelancaran Transformasi Politeknik
Bertempat Di *Putrajaya International Convention Centre*
25 Februari 2010 : Pelan Transformasi Kerajaan – Meluaskan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti dicapai pada oktober 10, 2011 dari <http://politeknik.gov.my/webjpp2/files/Ucapan%20Timbalan%20Perdana%20Menteri%20Sempena%20Majlis%20Pelancaran%20Transformasi%20Politeknik%20pada%20250210.pdf>

Ismail. S. (2011). Program Transformasi Pendidikan Vokasional Bermula Pada 2013,Muhyiddin. Dicapai pada oktober 2,2011 dari <http://web8.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=612538>

Abdul Wahid.N.H. (2011). Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional Malaysia: Cabaran dalam Memperkasa PLTV **Dari** <http://www.scribd.com/doc/40205360/Memperkasa-Pendidikan-Teknik-Dan-Vokasional-Malaysia-Dalam-Era-Globalisasi>

Anuar.N. (2011). Pelan Peningkatan Profesionalisme Guru Vokasional Dan Kemahiran Dicapai pada oktober 18, 2011 dari <http://www.slideshare.net/nans5074/pelan-peningkatan-profesionalisme-guru-vokasional-dan-kemahiran>

Peranan Dasar Ptv Dalam Rbt Bagi Menjamin Masa Hadapan Pelajar-Pelajar Tercicir dicapai pada oktober 18, 2011 dari <http://www.slideshare.net/royzamy/peranan-dasar-ptv-dalam-rbt-bagi-menjamin-masa-hadapan-pelajarpelajar-tercicir>

Mat Som. H. (2005). Memahami Tumpuan Guru Daam Pelaksanaan Perubahan Kurikulum: Satu Perbincangan. Jurnal Masalah Pendidikan, Fakulti Pendidikan UM, Jilid 28, Ms 25.

Marzuki. S. (2004). Amalan Pengajaran Yang Berkesan : Kajian Di Beberapa Sekolah Menengah Di Wilayah Persekutuan Dan Selangor. Jurnal Pendidikan, Fakulti Pendidikan UM, Jilid 24, Ms 29.

Hashim. H. (2010), Intergrating Vocational Stream In Secondary School : A Qualitative Case Study. Journal Of Technical Education And Training. Volume 2.